

**KESAN PENERIMAAN APLIKASI ISTIHALAH TERHADAP HUKUM  
 PRODUK YANG MENGANDUNGI DERIVATIF MUHARRAMAT**

**THE EFFECT OF ISTIHALAH APPLICATION IN THE PRODUCTS  
 CONTAIN UNLAWFUL (MUHARRAMAT) DERIVATIVES**

Mohd Hapiz Mahaiyadin<sup>i</sup>  
 Muhammad Rahimi Osman<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Pulau Pinang.  
 mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Professor dan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam.  
 mrahimi313@salam.uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Kajian ini ingin meneliti pandangan fuqaha mengenai istihalah sebagai suatu instrumen purifikasi suatu benda haram yang berubah kepada suatu benda baharu dengan semua rupa, sifat dan ciri yang berbeza daripada keadaan asal. Penerimaan atau penolakan terhadap instrumen ini memberikan kesan terhadap hukum penggunaan produk yang mengandungi pelbagai derivatif muharramat seperti gelatin, plasma darah dan alkohol yang terkandung dalam kebanyakan produk makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Kajian ini bersifat kualitatif yang akan menganalisis pelbagai pandangan fuqaha mengenai istihalah yang telah mempengaruhi beberapa keputusan fatwa oleh Islamic Fiqh Council (IFC) di bawah The Muslim World League, The Islamic Organization for Medical Sciences (IOMS) dan al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-Ifta' kerajaan Arab Saudi ataupun di peringkat tempatan seperti Majlis Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri mengenai hukum</p>	<p>This article attempts to examine the views of jurists on istihalah as an instrument of purification of the prohibited source that changed to a new object with all form, nature and characteristics were different from the original forms. Acceptance or rejection of this instrument gives a legal effect of using products that contain various muharramat derivatives such as gelatin, blood plasma, alcohol etc. were contained in many food products, pharmaceuticals and cosmetics. This is a qualitative study that will analyze the fuqaha views on istihalah that has affected several legal decisions by several authoritative Islamic organizations such as Islamic Fiqh Council (IFC) under the Muslim World League, al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-Ifta, Saudi Arabia and local institutions such as the Majlis Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia and Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri on the status of its use. This article also found that MJFMK looks very strict stance against foreign Islamic institutions which demonstrate</p>

<p>penggunaannya. Kajian ini mendapati pendirian MJFMK kelihatan amat ketat berbanding institusi Islam luar yang menunjukkan amalan yang agak terbuka bagi menyelesaikan kemelut kepenggunaan di peringkat global. Justeru, akan dikemukakan beberapa rumusan yang perlu diberikan perhatian dalam menangani isu kepenggunaan masa kini.</p> <p><b>Katakunci</b> : Istihalah, muharramat, derivatif, produk dan kepenggunaan</p>	<p>a moderate stance to solve the problem of Muslim consumerism on a broader level. In addition, some conclusions were proposed to be considered in resolving the above issue.</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Istihalah merupakan satu instrumen purifikasi terhadap najis dan muharramat yang berubah kepada unsur lain. Para fuqaha berbeza pandangan dari segi aplikasinya. Sebahagian mereka memperluas pemakaiannya terhadap semua jenis muharramat dan najis yang berubah, sementara sebahagian yang lain menyempitkannya dalam jenis benda yang dinaskan syarak sahaja. Jika dilihat daripada segi aplikasinya, legatimasi istihalah telah menyediakan suatu penyelesaian konseptual dalam menangani isu pelbagai produk makanan dan farmaseutikal yang diperbuat daripada benda haram atau bercampur dengannya tanpa berasa risau.

## DEFINISI ISTIHALAH

Perkataan istihalah berasal daripada hala yang bermaksud taghayyara iaitu sesuatu yang berubah atau bertukar kepada yang lain dan perubahan itu berlaku akibat dipindah dari suatu tempat ke satu tempat atau dari suatu keadaan kepada keadaan (Al-Fayyum, t.t ; Ibn Manzur, 1993). Pada dasarnya, istihalah mempunyai dua makna. Pertama, sesuatu yang mustahil berlaku (Al-Raghib dinukilkan oleh al-Munawi, 1990). Kedua, perubahan sesuatu daripada bentuk dan sifatnya yang asal (Al-Fayruz Abadi, 2005 ; al-Zawi, t.t). Dalam perspektif fiqh, makna kedua tadi lebih bertepatan dengan pengertian istihalah sebagai suatu proses melibatkan pemindahan (tahawwul) dan perubahan (taghayyur) sesuatu daripada sifat asalnya. Satu lagi elemen penting dalam istihalah ialah istihlak yang bermaksud percampuran sesuatu benda dengan yang lain sehingga melupuskan semua sifat dan kriteria benda asal seperti warna, bau dan rasa (Hammad, 2003). Contohnya seperti campuran setitis arak atau susu ke dalam seabdi air.

Konsep istihalah tidak mempunyai padanan tepat dalam disiplin sains tetapi terdapat beberapa istilah yang mempunyai konotasi hampir sama iaitu transformation dan chemical decomposition. Menurut Mirande Steel, transformation bermaksud menukar seluruh rupa atau watak sesuatu, manakala perkataan chemical decomposition bermaksud suatu keadaan penguraian atau

proses pereputan seperti penguraian air kepada hidrogen dan oksigen (Mohammad Aizat, J. & Che Wan Jasimah, W., 2009).

Para fuqaha silam tidak memberikan definisi istilah dalam suatu terma khusus. Sebaliknya ia dihuraikan sebagai suatu proses perubahan yang berlaku terhadap benda najis seperti arak bertukar menjadi cuka, najis yang dibakar menjadi abu, darah kijang menjadi kasturi dan kulit binatang yang disamak. Beberapa gambaran istilah telah dikemukakan sebagaimana berikut :

Mazhab Hanafi (Ibn Abidin, 1994) : perubahan benda najis dan pertukaran (inqilab) hakikat asalnya kepada hakikat yang lain seperti arak berubah menjadi cuka, babi menjadi garam dan najis haiwan menjadi debu.

Mazhab Maliki (Al-Hatab, 1995) : perubahan semua sifat benda najis kepada sifat-sifat lain yang berbeza dan perubahan nama kepada nama lain

Mazhab Syafie (Al-Ramli, 2003) : perubahan kesemua sifat benda najis sehingga menjadi sifat lain seperti hilang sifat mabuk daripada arak dengan proses pencucian.

Mazhab Hanbali (Al-Bahuti, 2003) : perubahan sifat yang terdapat pada sesuatu benda.

Berdasarkan keterangan di atas, makna istilah tidak jauh berbeza daripada pengertian bahasa. Justeru, dapat dirumuskan bahawa istilah ialah suatu proses purifikasi (mutahhir) terhadap benda-benda haram atau najis yang merubah semua bentuk dan sifat pengharamannya melalui perubahan warna, rasa dan bau sehingga terhasil benda baru yang berbeza daripada sebelumnya.

### **Penerimaan Istilah Sebagai Instrumen Purifikasi**

Semua fuqaha menerima aplikasi istilah khususnya dalam mengharuskan cuka yang berubah daripada arak secara semula jadi dan kulit haiwan yang disamak selain anjing dan babi. Namun, fuqaha Hanafiyyah dan Malikiyyah menerima fungsi istilah secara lebih meluas terhadap semua benda najis dan muharramat (benda-benda haram) sementara sebahagian lain seperti Syafi'iyah dan Hanabilah bersikap sebaliknya.

Perbezaan pandangan tersebut telah menyebabkan perbezaan hukum kesucian benda-benda bernajis yang berubah seperti bangkai, babi dan anjing menjadi garam, abu yang berasal daripada pembakaran najis, sabun daripada minyak bernajis, tanah parit yang kering dan najis yang ditanam dalam tanah sehingga hilang kesannya.

Dalam situasi di atas, terdapat dua pandangan. Pertama, semua benda tersebut di atas dihukum suci dengan istihalah oleh majoriti fuqaha daripada Hanafiyyah, Malikiyyah, Zahiriyyah, Zaydiyyah mengikut pandangan yang kuat, Ibn Taymiyyah, dan Ibn al-Qayyim (Ibn Abidin, 1994 ; Al-Disuqi, t.t ; Ibn Hazm, t.t ; al-Zuhayli, 2013 ; Ibn Taymiyyah, 2004 ; Ibn Qayyim, 2002). Pandangan ini menjadi pilihan al-Zuhayli, al-Qaradawi, 'Abd. al-Aziz Farj, Siddiq Hassan Khan (al-Zuhayli, 2013), Hammad (2003) dan Yasin ibn Nasir al-Khatib (2013).

Antara hujah mereka ialah :

Pertama, kaedah fiqh yang menghukumkan semua benda pada asalnya adalah suci dan harus sama ada sejak awal kejadiannya ataupun selepas berubah daripada najis kepada benda suci. Penegasan ini adalah berdasarkan firman Allah berikut :

\*\*\*\*\*

**Maksudnya :** Dialah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikanNya tujuh langit dan Dia Maha mengetahui segala sesuatu.

(Al-Baqarah : 29).

Kedua, hadis yang menyatakan kesucian arak yang bertukar menjadi cuka dan halal dimakan. Umm Salamah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

"إِنَّ الدَّبَاعَ يَجِلُّ مِنَ الْمَيْتَةِ كَمَا يَجِلُّ الْخَلُّ مِنَ الْخَمْرِ"

**Maksudnya :** "(Perbuatan) samak menghalalkan bangkai sepertimana halalnya cuka daripada arak". (al-Bayhaqi, Bab zikr al-khabar allazi warada fi khall al-khamr, no. hadis 11202, jil. 6, h. 63).

Ketiga, hadis-hadis mengenai kesucian kulit haiwan yang disamak dan keharusan penggunaannya. Ibn Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda :

«أَيُّمَا إِهَابٍ دُبِغَ فَقَدْ طَهَّرَ»

**Maksudnya :** "Sebarang kulit yang disamak adalah bersih".

(Al-Nasa'i, Julud al-mayyitah, no. hadis 4241, h. 654 ; Ibn Majah, Bab labs julud al-mayyitah iza dubigat, hadis no. 3609, h. 601).

Selain itu, pandangan ini turut menegaskan bahawa rasional ('illah) kenajisan sesuatu benda ialah disebabkan faktor kekejian (khubth) yang membentuk nama dan sifat-sifat seperti warna, bau dan rasa. Faktor-faktor ini yang menjadikan sesuatu benda itu najis atau sebaliknya (Ibn al-Humam dalam Ibn Abidin, 1994 ; al-Kasani, 2003). Contohnya seperti kesucian jus perahan buah-buahan menjadi najis selepas bertukar menjadi arak. Seterusnya, apabila arak bertukar pula kepada cuka, hukumnya adalah suci. Nyata bahawa sifat kenajisan pada sesuatu benda (form) iaitu ia akan hilang dengan terluputnya sebahagian atau keseluruhan komponen yang membentuk *form* najis. Oleh itu, perubahan sesuatu benda sama ada berasal daripada benda suci atau najis akan mengakibatkan berlakunya perubahan pada nama dan sifat (al-Kasani, 2003 ; Ibn Abidin, 1994).

Melalui proses perubahan tersebut, lubang di pusat kijang yang menyimpan kasturi(fa'rah) dianggap suci. Kasturi berasal daripada darah yang bersifat kotordan setelah berubah kepada sifat dan nama lain, ia tidak lagi dinamakan darah. Oleh itu, kasturi termasuk juga darah dan pelbagai najis yang dimakan haiwan yang berubah menjadi daging adalah suci (Al-Hatab, 1992).

Lantaran itu, perubahan sesuatu benda bukan sahaja mengakibatkan perubahan semua sifat dan nama, malah turut membatalkan hukum yang terbina di atas nama tersebut. Perubahan kepada benda dengan nama lain yang halal dan suci, tidak dianggap sebagai najis dan haram lagi kerana ia telah menjadi benda lain yang hukumnya juga lain (Ibn Hazm, t.t).

Begitu juga sekiranya benda najis terurai (istihlak) dalam air, Ibn Taymiyyah (2004) bertegas bahawa air tersebut adalah suci sama ada sedikit atau banyak. Hukum yang sama digunakan kepada semua bendalir (maicat) kerana Allah mengharuskan benda bersih (tayyibat) dan mengharamkan benda kotor (khaba'ith). Perbezaan antara khabith dengan tayyib adalah dengan sifatnya. Sifat air yang tayyib itu memasukkannya ke dalam kategori halal, bukannya haram.

Pandangan kedua, Syafi'iyyah, Hanabilah dan Abu Yusuf menurut satu pandangan menyatakan bahawa istihalah tidak berkesan menjadikannya suci (Al-Ramli, 2003 ; Ibn Qudamah, t.t ; al-Kasani, 2003 ; Ibn Abidin, 1994). Pandangan ini diutamakan oleh Khalid Abd al-Alim Mutawalli ([www.khaledabdelalim.com](http://www.khaledabdelalim.com)), Abd al-Fattah Muhammad Idris (2005), mufti kerajaan Mesir iaitu Nasr Farid Wasil dan Yusuf al-Badri (<http://www.aawsat.com/details.asp?article=61458&issueno=8355#.UvOc49ynqBs>).

Setiap benda yang diharamkan kerana zatnya (muharram li zatihi) seperti arak, babi, anjing, darah dan tahi dianggap najis kerana hukum bentuk asalnya adalah najis. Semua itu tidak boleh disucikan secara istihalah seperti bangkai anjing yang menjadi garam kerana terjatuh ke dalam kawah garam ataupun dibakar menjadi abu. Hanya arak yang bertukar kepada cuka secara semula jadi

dihukumkan suci. Hal ini kerana sifat najis cayni masih kekal disebabkan cayn najisnya masih dianggap wujud dan tidak hilang dengan istihalah.

Antara hujah pandangan kedua ini ialah :

Pertama, hadis Ibn Umar dan Ibn Abbas yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW melarang para sahabat daripada memakan haiwan yang memakan kotoran atau najis (*jallalah*) dan meminum susunya. Hal ini ditegaskan oleh Ibn Umar dalam sebuah hadis berikut :

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: «نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الْجَلَالَةِ، وَاللَّبَانِهَا

**Maksudnya** : Rasulullah SAW melarang daripada memakan haiwan jallalah dan susunya”

(Al-Naysaburi, al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn, Kitab al-buyu’ amma hadith Ibn Umar, no. 2248, jil. 2, h. 40 ; Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Bab al-nahy ‘an akl al-jallalah, no. 3780-3786, jil. 3, h. 351.)

Kedua, prinsip istishab yang mengekalkan sesuatu mengikut keadaan hukum asalnya. Sesuatu najis cayni tidak akan bertukar hukumnya sekalipun menjadi menjadi benda lain selama mana cayn asalnya kekal (Al-Nawawi, t.t).

Ketiga, semua najis ayni menjadi najis, bukan kerana proses istihalah. Najis tidak akan menjadi suci berdasarkan qiyas kepada darah yang berubah menjadi nanah (Ibn Qudamah, t.t).

Menurut Syafi’iyyah, setiap benda najis tidak akan menjadi suci dengan istihalah melainkan dua perkara. Pertama; arak yang bertukar kepada cuka dengan sendiri. Kedua ; kulit haiwan yang mati selain anjing dan babi yang disamak (Al-Ramli, 2003 ; al-Syarbini, 1994). Namun, terdapat beberapa benda yang dihukumkan suci seperti calaqah, mudghah dan haiwan yang lahir daripada makanan seperti ulat cuka dan epal kerana proses istihalah (Ibn Qudamah, t.t ; al-Ghazali, 1996).

Hanabilah pula menyatakan najis tidak akan menjadi suci dengan istihalah kerana Nabi SAW melarang daripada memakan haiwan jallalah (yang memakan najis) dan susunya (Al-Bahuti, 2003). Larangan tersebut terjadi kerana haiwan tersebut memakan najis, dan jika ia menjadi suci disebabkan istihalah sudah tentu Baginda tidak akan melarang.

## PENGGUNAAN DERIVATIF MUHARRAMAT PADA MASA KINI

Pada masa kini, penggunaan babi, darah, bangkai dan arak tidak lagi berlaku secara konvensional dalam bentuk asal dan mentah. Sebaliknya bahan baharu telah dihasilkan dan diproses daripadanya seperti gelatin, plasma darah, alkohol, gliserin, dan sebagainya digunakan secara meluas. Di peringkat global, penggunaan bahan-bahan baharu ini merupakan suatu kelaziman oleh pelbagai syarikat pengeluar (producer) antarabangsa dan diakui beberapa kajian penyelidikan mengenainya (Gómez-Guillén et al., 2011). Realiti ini memberikan kesan kepada hal ehwal kepenggunaan peringkat domestik seperti di Malaysia apabila melibatkan produk-produk import yang berkaitan dengan sumber berkenaan. Perkara ini turut dibuktikan menerusi laporan beberapa persatuan pengguna seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan juga pernah didedahkan dalam media massa tempatan.

Contohnya seperti gelatin. Banyak kajian menyatakan bahawa gelatin merupakan sumber utama dalam pelbagai produk makanan, masakan di rumah dan juga kegunaan industri farmaseutikal dan kosmetik. Tulang dan kulit lembu, kulit babi, ikan dan juga serangga menjadi sumber komersial utama kolagen yang menghasilkan gelatin (Mariod & Adam, 2013 ; M. Abd Elgadir, Mohamed E.S. Mirghani & Aisyah Adam, 2013 ; A.A. Karim & R. Bhat, 2009). Gelatin berfungsi sebagai agen pelarut, pemekat, pengental, pengejel, pengemulsi, penstabil, pembentuk lapisan nipis (film) dan penggebu makanan. Selain itu, gelatin juga dijadikan bahan untuk mengikat dan meningkatkan tekstur makanan serta menghalang daripada berlakunya proses penguncupan gel disertakan dengan cara pemisahan daripada cecair (syneresis). ([www.pbgelatins.com/binaries/Gelatin%20uk\\_tcm11-12472.pdf](http://www.pbgelatins.com/binaries/Gelatin%20uk_tcm11-12472.pdf), h. 2 ; [www.weisyardt.fr/doc/en-proprietes-gelatine-pdf](http://www.weisyardt.fr/doc/en-proprietes-gelatine-pdf))

Dalam bidang masakan, contoh makanan yang dimasukkan gelatin ialah santapan manis (desserts), pencuci mulut (trifles), aspic, marshmallow, sirap jagung, dan pelbagai jenis konfeksi seperti peeps, gummy bears, snek buah-buahan, jelly babies, termasuk yogurt, keju krim dan marjerin.

Dalam industri farmaseutikal, gelatin digunakan terutamanya untuk pembuatan kapsul gelatin keras dan lembut, tablet, salutan tablet, biji-bijian kecil, pengkapsulan dan pengkapsulan mikro (Mariod & Adam, 2013).

Selain gelatin, plasma darah yang berasal daripada darah, merupakan sumber yang kaya dengan besi, protein bernutrien tinggi dan memberikan fungsi yang lebih berkualiti kepada makanan. Kandungan protein yang banyak dalam darah mencecah 18% dan sering juga dinamakan sebagai protein cecair (liquid protein). (Ofori & Hsieh, 2012). Plasma darah dikeringkan dalam bentuk serbuk digunakan dalam pelbagai jenis makanan tiruan seperti bebola ikan, kek ikan, kaki ketam dan udang tiruan. Nama komersial bagi produk seumpamanya ialah surimi (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006).

Satu lagi ialah alkohol, sejenis bahan kimia yang mempunyai banyak gunanya. Dua jenis alkohol paling baik iaitu methanol (methyl alcohol) atau alkohol yang dihasilkan daripada kayu-kayan dan ethanol (ethyl alcohol) atau alkohol yang dihasilkan daripada biji-bijian (Fatimah Saad, 1998). Alkohol dan arak merupakan dua bahan berbeza. Arak menjadi salah satu sumber penghasilan alkohol (Abu Zayd, 2005). Pada masa kini, alkohol banyak digunakan dalam barang gunaan iaitu sebagai bahan tambahan dalam banyak produk seperti ubat-ubatan, makanan, minuman ringan dan bahan-bahan kosmetik. Ia juga bertindak sebagai agen penstabil dalam minuman ringan dan sebagai pelarut organik yang baik. Alkohol juga digunakan dalam produk yang berasaskan lemak dan minyak (Mohd Amri Abdullah, 2010).

Gliserin yang juga dikenali sebagai gliserol (glycerol) pula merupakan sebatian organik yang merupakan komponen tidak berbau, tidak berwarna, likat dan manis serta rendah toksid (Dzulkifly Mat Hashim & Nurul Hayati Abdul Hamid, 2008). Bahan tersebut diperolehi daripada sumber binatang dan sayuran menerusi pemisahan lemak dan minyak binatang dan sayuran semasa membuat sabun, asid-asid lemak atau lemak alkohol (ethanol). Gliserol juga boleh diproses daripada hasil sampingan petroleum seperti propilena (Rossi. M, 2008).

Disebabkan keunikannya, gliserin banyak digunakan dalam produk kosmetik, dandanan dan penjagaan diri, farmaseutikal dan makanan. Dalam industri tembakau, gliserin digunakan sebagai pelembap, dalam industri makanan sebagai bahan tambahan, dalam industri farmaseutikal sebagai bantuan formulasi dalam bahan-bahan kimia pengantara, dalam industri kosmetik sebagai pelembap kulit, dan anti bahan beku di dalam sel dan sperma pemeliharaan selain bertindak sebagai pelincir dan cecair hidraulik. Sebagai bahan kimia serba guna, gliserin turut dijadikan sebagai bahan tambahan dalam pelbagai produk farmaseutikal dan kosmetik. Ia digunakan dalam produk penjagaan badan sebagai pelincir untuk meningkatkan kemudahan penggunaan produk dan sebagai pelembap untuk menarik lembapan ke dalam kulit. Sekalipun semua gliserin memberikan fungsi yang sama dalam kosmetik dan produk, ia boleh diperolehi daripada pelbagai pelbagai sumber (Tremblay, 2010).

Maklumat di atas menunjukkan bahawa aspek makanan, farmaseutikal dan kosmetik merupakan tiga bidang penggunaan yang paling banyak menggunakan derivatif muharramat tersebut. Fenomena di atas, sebagaimana didedahkan laporan akhbar tempatan dan kajian beberapa persatuan pengguna seperti CAP, meletakkan para pengguna Islam dalam dilema bagi menggunakan produk-produk yang mana kandungan dan kaedah penyediaannya tidak diketahui.

Kewujudan muharramat dalam pelbagai aspek produk keperluan pada hari ini telah menjadi gejala umum (umum al-balwa) yang sukar dielakkan sepenuhnya kecuali menyebabkan kesulitan kepada pengguna Islam. Walaupun umat Islam menjadi majoriti pengguna, namun banyak bidang perniagaan masih dimonopoli orang bukan Islam. Bagi syarikat-syarikat bukan Islam, penggunaan



sumber tidak halal bukan suatu tanggungjawab agama. Apatah lagi produk atau perkhidmatan yang disediakan turut ditawarkan kepada para pengguna bukan Islam. Situasi seperti ini memerlukan penjelasan hukum yang memuaskan dan perlu disediakan beberapa solusi yang lebih efektif. Maka dalam hal ini, perbincangan tentang aplikasi istihalah merupakan suatu pendekatan awal yang tepat.

### **Kesan Penerimaan Istihalah terhadap Fatwa pada Masa Kini**

Perbezaan pandangan mengenai istihalah jelas mempengaruhi keputusan fatwa beberapa institusi Islam berwibawa sama ada di peringkat antarabangsa seperti Islamic Fiqh Council (IFC) di bawah The Muslim World League, The Islamic Organization for Medical Sciences (IOMS) dan al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' kerajaan Arab Saudi ataupun di peringkat tempatan seperti Majlis Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Perbezaan fatwa antara institusi tersebut jelas kelihatan mengenai hukum bahan-bahan derivatif daripada muharramat seperti gelatin, plasma darah dan sebagainya.

Kesan penerimaan istihalah jelas kelihatan dalam beberapa keputusan resolusi oleh IFC di bawah The Muslim World League dan IOMS. IFC telah membuat keputusannya mengenai hukum penggunaan ubat dan makanan yang terhasil daripada muharramat seperti berikut :

- i. Ketetapan 6 dalam persidangan ke-16 IFC di Jeddah pada Januari 2002 menyuarakan pandangan, antaranya "Seseorang pesakit muslim diharuskan mengambil pelbagai ubat yang mengandungi alkohol pada skala yang kecil sekiranya sukar menemukan ubat yang 'free alcohol' dengan nasihat pakar perubatan yang dipercayai dan jujur dalam kerjayanya".
- ii. Ketetapan ke-4 dalam persidangan kali ke-17 pada Disember 2003, IFC memutuskan beberapa resolusi mengenai penggunaan ubatan seperti heparine dan low molecular weight heparin (LMWH) yang mengandungi unsur babi seperti berikut :
  - a. Mengesahkan proses penyediaan kedua-dua ubat tersebut menepati konsep istihalah.
  - b. Perubahan benda najis kepada unsur lain yang berbeza pada sifat dan cirinya atau penguraian sesuatu benda dengan campuran yang merubah sifat dan zatnya diterima sebagai kaedah purifikasi yang mengharuskan penggunaan benda baharu tersebut.

Resolusi IOMS dalam Persidangan Fiqh Perubatan kali ke-8 mengenai penggunaan bahan-bahan haram dan najis dalam makanan dan ubatan yang berlangsung di Kuwait pada Mei 1995 mencatatkan :

- i. Diharamkan bahan-bahan makanan yang mengandungi lemak babi yang tidak berubah (istihalah) bentuknya seperti sebahagian jenis keju, minyak, lemak dan yogurt, biskut, coklat dan ais krim. Semua bahan itu tidak halal dimakan berasaskan ijmak ulama mengenai kenajisan lemak babi dan haram dimakan di samping tiada desakan (idtirar) untuk menggunakannya.
- ii. Istihalah merupakan perubahan bentuk sesuatu benda kepada benda lain yang berbeza dari segi sifat sebelumnya. Istihalah dapat merubah benda najis dan bernajis kepada benda yang bersih dan juga merubah benda haram kepada benda yang diharuskan syarak.

Seterusnya Resolusi Persidangan Fiqh Perubatan kali ke-9 di Cassablanca pada Jun 1997 pula menyarankan:

“Bahan-bahan tambahan dalam makanan dan ubatan yang berasal daripada najis atau benda haram yang bertukar menjadi benda harus menerusi dua kaedah iaitu pertama ; istihalah dan kedua ; istihlak, di mana pembuatannya melalui percampuran benda haram atau najis dengan benda halal lain yang dominan sehingga menghilangkan sifat najis dan keharamannya, apabila semua sifat benda yang sedikit seperti rasa, warna dan bau hilang kerana terurai dalam benda yang dominan tadi maka hukum penggunaannya mengikut mana yang dominan” .

Resolusi-resolusi di atas bertentangan pendirian al-Lajnah al-Dai'mah Kerajaan Arab Saudi dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (JKFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Kedua-dua institusi tersebut hanya mengharuskan penggunaan gelatin daripada sumber harus dan haiwan yang disembelih secara syar'ie dan mengharamkan yang diperbuat daripada benda haram seperti kulit dan tulang babi serta pelbagai haiwan haram lain.

Dalam fatwa nombor 22/281, al-Lajnah al-Da'imah kerajaan Arab Saudi memutuskan jika seseorang meyakini atau bersangka kuat bahawa terdapat campuran daging, lemak atau serbuk tulang babi dalam makanan, ubatan atau ubat gigi dan seumpamanya, maka bahan tersebut tidak harus dimakan, diminum dan digunakan. Sekiranya timbul keraguan, bahan tersebut hendaklah dijauhi berdasarkan gesaan hadis yang menyuruh umat Islam meninggalkan perkara yang meragukan .

Al-Lajnah al-Dai'mah turut menerima pakai konsep istilah yang diputuskan oleh IOMS. Dalam keputusan fatwa bernombor 5/385,386 ulama al-Lajnah tersebut mengharuskan penggunaan sabun dan ubat gigi yang didakwa mengandungi lemak babi sehingga dapat dibukti secara pasti kewujudan unsur tersebut. Begitu juga mengikut fatwa nombor 22/111 yang membenarkan penggunaan keju buatan yang didakwa mengandungi lemak babi. Namun begitu, pihak yang menyakini kewujudan lemak babi tersebut tidak boleh menggunakannya.

Berdasarkan keputusan fatwa al-Lajnah al-Da'imah, keharusan penggunaan produk makanan, ubatan dan kosmetik yang bercampur lemak babi tertakluk kepada kesahan berlakunya proses istilah. Jika tidak berlaku istilah dalam produk kosmetik seperti yang dipercayai pihak al-Lajnah, produk tersebut haram digunakan. Namun dakwaan kewujudan unsur babi tanpa dibuktikan secara kukuh, maka tidak memadai untuk sesiapa sahaja melarang penggunaan produk tersebut yang dihukumkan harus berdasarkan kaedah al-asl fi al-ashya' al-ibahah yang bermaksud hukum asal semua benda adalah harus.

Dalam konteks Malaysia, keputusan fatwa di peringkat kebangsaan masih berpegang kepada pandangan yang menolak istilah secara meluas. Hal ini boleh dilihat dalam beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (JKFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri seperti berikut :

- Pengharaman penggunaan barangan, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bioteknologi DNA babi ,
- Penolakan vaksin untuk Imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan oleh plasma darah dan hanya menerima vaksin yang dihasilkan daripada ragi yang bukan najis ,
- Mengharamkan peralatan dan perhiasan Bone China yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal ,
- Larangan penghasilan makanan terubah suai genetik (GM Food), penggunaan bahan-bahan yang diharamkan dan memudaratkan manusia serta alam sekitar ,
- Pengharaman penggunaan ubat Clexane dan Fraxiparine yang terbentuk daripada low molecular weight heparin (LMWH) bagi mencegah pembekuan darah secara mendadak. Hal ini kerana LMWH merupakan unsur yang terbentuk daripada heparin. Heparin merupakan sumber biologi yang diambil daripada usus babi ,
- Pengharaman vaksin Biothrax dan vaksin Rotatex yang menggunakan unsur babi dalam proses penghasilannya ,
- Pengharaman sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan selain anjing dan babi ,

- Pengharaman ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya yang sengaja dipelihara dalam air najis atau diberi makan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya ,
- Pengharaman cuka wine (wine vinegar) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar dan
- Pengharaman penggunaan vaksin pelalian meningococcal Meningitis Monumen yang mengandungi unsur babi.

Perbezaan keputusan antara muzakarah JKFMK dengan resolusi IOMS, IFC dan al-Lajnah al-Da'imah li al-Ifta' memperlihatkan pendirian ijtihad yang agak terbuka oleh agensi-agensi terbabit bagi menyelesaikan kemelut kepenggunaan di peringkat global. JKFMK mengambil pendirian ketat berasaskan ihtiyat dengan mengambil kira kemaslahatan pengguna Islam tempatan. Berbanding dengan keputusan IOMS dan IFK, al-Lajnah al-Da'imah kelihatan agak berhati-hati dalam menerima legatimasi konsep istihalah dalam produk kepenggunaan yang berasal daripada unsur haram.

#### **KESAHAN INSTRUMEN ISTIHALAH MENYELESAIKAN BANYAK ISU PRODUK YANG DIDAKWA MENGANDUNGI DERIVATIF MUHARRAMAT**

Dalam hal ini, pandangan fuqaha yang menerima istihalah mempunyai asas penghujahan yang kukuh. Penghujahan mereka selari dengan konsep ta'lil al-ahkam yang mengaitkan kewujudan cillah sesuatu sumber halal dan haram dengan nilai tayyib dan khabith sumber tersebut. Namun, didapati juga bahawa punca utama penolakan sebahagian fuqaha terhadap istihalah kerana tidak meyakini berlakunya perubahan sempurna yang menghilangkan sama sekali bentuk dan sifat terdahulu secara zahir seperti Deoxyribonucleic Acid (DNA) dan molekul asal dalam benda baharu yang wujud.

Sekiranya aplikasi istihalah diterima dalam semua jenis derivatif muharramat, hukum berkenaan status beberapa sumber produk makanan, farmaseutikal dan kosmetik yang mengalami proses istihalah dapat diselesaikan dengan mudah. Justeru hukum perubahan-perubahan yang terjadi dapat dijelaskan seperti yang berikut :

Segala benda najis seperti bangkai, tulang bangkai, tahi, babi dan anjing yang dibakar atau berubah menjadi abu, tanah, garam dan sebagainya adalah suci dan boleh digunakan.

Benda-benda suci yang berubah menjadi najis dan kotoran seperti perahan buah menjadi arak atau air dan makanan menjadi air kencing, darah dan tahi diharamkan.

Perubahan yang berlaku terhadap benda-benda najis disebabkan kesan tindak balas kimia dan campuran buatan industri menjadikannya suci dan boleh digunakan selagi tidak menyebabkan kemudaratan.

Penetapan hukum sesuatu bahan gunaannya perlu berasaskan kepada nama dan sifat-sifat yang mendasari benda tersebut. Perubahan terhadap nama sesuatu benda mengakibatkan perubahan hukumnya kerana ciri dan segala kriterianya telah luput. Arak berbeza daripada cuka sepertimana bangkai berbeza daripada tanah atau abu.

Penggunaan komposisi atau sebatian kimia yang terhasil daripada istilah benda-benda najis dalam industri perubatan dan makanan tertakluk kepada kaedah-kaedah di atas dengan syarat produk yang diformulasikan itu baik (tayyib) serta tidak membawa unsur kotoran (khabith) dan pelbagai kemudahan kepada pengguna.

Kesempurnaan istilah yang menghilangkan semua DNA dan molekul asal perlu diberikan pengesahan oleh para saintis dan golongan pakar dalam bidang berkenaan bagi mendapatkan keyakinan bahawa perubahan bentuk dan semua ciri yang haram telah dinyahkan dalam benda baharu sebelum difatwakan halal.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Jika diteliti pada amalan fuqaha klasik, standard pengesanan kesan haram yang tidak kelihatan (maknawi), sudah dianggap bersih, sekiranya tiada lagi kesan fizikal najis seperti bau, rasa dan warna pada form baharu tersebut. Standard ini boleh digunapakai dalam mengabsahkan keberkesanan istilah bagi melakukan purifikasi terhadap elemen-elemen kenajisan dan kekotoran suatu bahan setelah perubahan berlaku. Secara teorinya, penerimaan istilah boleh dianggap sebagai suatu ruang yang dibenarkan oleh syarak untuk mempermudah urusan kepenggunaan umat Islam pada masa kini. Akan tetapi untuk diterima di Malaysia, hal ini mungkin sukar disebabkan banyak faktor terutama berkaitan pendirian institusi agama setempat seperti Majlis Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri yang berpegang kepada fatwa mazhab Syafie yang menolak istilah.

Namun kajian ini berpendapat bahawa pandangan fuqaha yang menerima istilah secara mutlak mungkin sesuai diamalkan dalam konteks minoriti Islam di negara-negara bukan Islam seperti di Amerika Latin, Eropah Timur, Russia, Korea dan Jepun. Kebanyakan produk makanan, minuman dan ubatan yang dihasilkan di sana sememangnya mengandungi gelatin sementara sumber halal sukar diperoleh melainkan terpaksa melalui kehidupan yang susah (masyaqqah). Keadaan tersebut berbeza daripada negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesia dan negara Islam Timur Tengah yang kaya dengan sumber halal. Begitu juga dengan negara bukan Islam yang memudahkan akses minoriti Islam kepada sumber halal tanpa halangan seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Asas penolakan terhadap istilah dalam keputusan muzakarah JKFMK juga mempunyai kewajarannya terutama daripada segi kesahihan berlakunya kesempurnaan istilah di samping menjamin penghasilan produk halal daripada

disalah guna oleh para pengeluar dan pengusaha produk dengan memasukkan bahan haram atau najis demi keuntungan berlipat ganda. Lagi pun, surimi, kek ikan dan bebola daging yang menggunakan plasma darah bukanlah sumber bahan asas masyarakat Islam di Malaysia. Penolakan terhadap aplikasi istilah tidak menjadikan ruang kepenggunaan umat Islam semakin sempit kerana ia boleh digunakan dalam kes darurat. Keperluan darurahatau kesulitan pengguna Islam domestik perlu dilihat secara terperinci berdasarkan bidang kepenggunaan seperti makanan, farmaseutikal ataupun kosmetik. Kerana pada waktu darurat, pengguna Islam dibenarkan menggunakan pelbagai muharramat berdasarkan kaedah al-darurat tubihu al-mahzurat dan al-darurah tuqaddaru bi qadariha.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- A.A. Karim & R. Bhat. (2009). Fish gelatin : properties, challenges, and prospects as an alternative to mammalian gelatins. *Food Hydrocolloids* 23, 563-576.
- Abu Dawud, S. ibn A. (t.t). *Sunan Abi Dawud*. Abd al-Hamid, M.M. (tahqiq). Beirut : al-Maktabah al-Asriyyah.
- Abu Zayd, J.M. (2005). *Al-Intifa' bi al-a'yan al-muharramah min al-at'imah wa al-ashribah wa al-albisah* (Edisi ke 1). Amman : Dar al-Nafa'is.
- Al-Bayhaqi, A. ibn H. (2003). *Al-Sunan al-Kubra*. Ata, M.A. (tahqiq). (Edisi ke 3). Beirut :Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.
- Al-Bahuti, M. ibn Y. (2003). *Kasysyaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Abd al-Hamid, I.A. (tahqiq). Riyadh : Dar Alam al-Kutub.
- Al-Disuqi, M. ibn A. (t.t.). *Hasyiyah al-Disuqi ala al-Syarh al-Kabir*. Kaherah : Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Fayyumi, A. ibn A. (t.t). *Al-Misbah al-Munir*. Beirut : al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Al-Fayruz Abadi, M. ibn Y. (2005). *Al-Qamus al-Muhit*. Maktab Tahqiq al-Turath (tahqiq). (Edisi ke 8). Beirut : Mua'assasah al-Risalah.
- Al-Ghazali, M. ibn M. (1996). *Al-Wasit fi al-Mazhab*. Ibrahim, A.M. & Tamir, M.M. (tahqiq). (Edisi ke 1). Kaherah : Dar al-Salam.
- Al-Hatab, M. ibn M. (1995). *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*, Zakariyya Umayrat (takhrij). (Edisi ke 1). Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kasani, A.A ibn M. (2003). *Bada'i' al-Sana'ic fi Tartib al-Syara'ic*. Mu'awwad, A.M. & Abd al-Mawjud, A.A. (tahqiq) (Edisi ke 2). Beirut : Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.
- Al-Khatib, Y. ibn N. (2014). Al-Istihalah wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islami. *Majallah al-Adl*, Bil. 57, (15), Muharram 1434 Hijrah/2013 Masehi  
Diakses daripada [http://adl.moj.gov.sa/topic\\_d\\_d.aspx?ID=57&IDd=1180](http://adl.moj.gov.sa/topic_d_d.aspx?ID=57&IDd=1180).

- Al-Majma al-Fiqh al-Islami bi Rabitah al-<sup>c</sup>Alam al-Islami, Resolusi ke-4 dalam Persidangan ke-17 di Mekah pada 2003 mengenai *Hukm Isti'mal al-Dawa' al-Mushtamil 'ala Syay' min Najas al-Ayn ka al-Khinzir wa lahu badil Aqall minhu Faidah ka al-Hibar al-Jadid*. *Islamic Fiqh Council Journal*, al-Majmak al-Fiqhi al-Islami : Rabitah al-<sup>c</sup>Alam al-Islami, bil. 20, 18 (2005) : 407-408.
- Al-Majma' al-Fiqh al-Islami bi Rabitah al-<sup>c</sup>Alam al-Islami, Resolusi ke-6 dalam Persidangan ke-16 di Mekah pada tahun 2002 mengenai "al-Adawiyah al-Musytamilah 'ala al-Kuhul wa al-Mukhaddarat", *Islamic Fiqh Council Journal*, al-Majma' al-Fiqh al-Islami : Rabitah al-<sup>c</sup>Alam al-Islami, Bil. 15, 13 (2002), h.476-477.
- Al-Munawi, A. (1990). *Al-Tawqif 'ala Muhimmat al-Ta'arif*. Kaherah : Alam al-Kutub
- Al-Nasa'i, A. ibn S. (2001). *Sunan al-Nasa'i*. Syalabi, H.A.M. (tahqiq). (Edisi ke 1). Beirut : Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Y. ibn S. (t.t). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Naysaburi, M. ibn A. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Muhammad Abd al-Qadir Ata (tahqiq). (Edisi ke 1). Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ramli, M ibn A.A. (2003). *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj* (Edisi ke 3). Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zawi, T. (t.t). *Mukhtar al-Qamus*. Libya : Dar al-Arabiyyah li al-Kitab.
- Al-Zuhayli, W. (2013). *Hukm Isti'mal al-Dawa' al-Mushtamil 'ala Syay' min Najas al-Ayn ka al-Khinzir wa lahu Badil Aqall Fa'idah minhu*.  
Diakses daripada  
[www.themwl.prg/publications/default.aspx?t=1&cidi=57&1=AR](http://www.themwl.prg/publications/default.aspx?t=1&cidi=57&1=AR)
- "Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman."  
Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bioteknologi-dalam-makanan-minuman>
- Fatimah Saad. (1998). Penggunaan Alkohol Dalam Makanan dan Minuman. *Jurnal Penyelidikan Islam, JAKIM, Bil. 11*, 55-58.
- "Fatwa al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Ulum al-Tibbiyyah fi al-Kuwayt hawla Jilatin al-Khinzir Tuthir Jadalan Khilafiyyan fi Misr."  
Diakses daripada  
<http://www.aawsat.com/details.asp?article=61458&issueno=8355#.UvOc49ynqBs>.
- Hammad, N.K. (2003). Al-Adawiyah al-Musytamilah 'ala al-Kuhul wa al-Mukhaddarat. *Majallah al-Majmak al-Fiqhi al-Islami li Rabitah al-<sup>c</sup>Alam al-Islami*, Bil 16 (14): h.69-120.
- "Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (Genetic Modified Food)".  
Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-memakan-makanan-terubahsuai-genetik-genetic-modified-food>.
- "Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik".

Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-anggota-atau-unsur-haiwan-yang-haram-dimakan-selain-daripada-anjin>.

“Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China).”

Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-peralatan-dan-perhiasan-berasaskan-abu-tulang-haiwan-bone-china>.

“Hukum Penggunaan Ubat Clexane Dan Fraxiparine”.

Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-ubat-clexane-dan-fraxiparine>.

“Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya”.

Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-vaksin-biothrax-dan-vaksin-rotateq-yang-menggunakan-unsur-babi-dal>.

“Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)”.

Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wine-vinegar-cuka-wain>.

Ibn Abidin, M.A. (1994). *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Abd al-Mawjud, A.A. & Mu'awwad, A.M. (tahqiq). (Edisi ke 1). Beirut : Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.

Ibn Hazm, A. ibn A. (t.t.) *Al-Muhalla*. Beirut : Dar al-Fikr.

Ibn Manzur, M. ibn M. (1993). *Lisan al-'Arab* (Edisi ke 4). Beirut : Dar Sadir.

Ibn Qayyim, M. ibn A.B. (2002). *I'lam al-Muwaqq'ain an Rabb al-'Alamin*. Al Salman, M. Ibn H. (takhrij). (Edisi ke 1). Jeddah : Dar Ibn al-Jawzi.

Ibn Qudamah, A. ibn A.(t.t.) *Al-Mughni*. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi.

Ibn Taymiyyah, A. ibn A.H. (2004). *Majmu' Fatawa*. Abd al-Rahman, M & Muhammad, A.R., (tartib). Al-Madinah al-Munawwarah : Mujammak al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Musyaf al-Syarif.

Idris, A.F.M. (2005). *Hukm Isti'mal al-Dawa' al-Mushtamil 'ala Syay' min Najas al-'Ayn ka al-Khinzir wa lahu badil Aqall minhu Faidah ka al-Hibarin al-Jadid*. *Islamic Fiqh Council Journal*, al-Majmak al-Fiqhi al-Islami : Rabitah al-Alam al-Islami, Bil. 20, (18) (2005) : 89-132.

“Imunisasi Hepatitis B.”

Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/imunisasi-hepatitis-b>

Gelatin Technical Info.

Diakses daripada [www.pbgelatins.com/binaries/Gelatin%20uk\\_tcm11-12472.pdf](http://www.pbgelatins.com/binaries/Gelatin%20uk_tcm11-12472.pdf)



- Gómez-Guillén, M.C, Giménez, B., López-Caballero, M.E, & Montero, M.P. (2011). Functional and bioactive properties of collagen and gelatin from alternative source : A review. *Food Hydrocolloids* : 1813-1827.
- M. Abd Elgadir, Mohamed E.S. Mirghani & Aisyah, A. (2013). Fish gelatin and its applications in selected pharmaceutical aspects as alternative source to pork gelatine". *Journal of Food, Agriculture & Environment* Vol.11 (1), 73-79.
- Mariod, A.A. and Adam, H.F. Review : gelatin, source, extraction and industrial applications. *Acra Sci. Pol, Tehnol. Aliment.* 12(2) (2013) : 135-147.
- Mohd Amri, A. (t.t). *Alkohol Halal?*.  
Diakses daripada [beritahalal.wordpress.com](http://beritahalal.wordpress.com).
- Mohammad Aizat, J., & Che Wan Jasimah, W. (2009). Teori Istihalah Menurut Perspektif Islam dan Sains : Aplikasi Terhadap Beberapa Penghasilan Produk Makanan, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1. : 169-194.
- Mutawalli, K. A. (t.t). *Al-Istihalah wa Aqwal al-Fuqaha' fiha*.  
Diakses daripada [www.khaledabdelalim.com](http://www.khaledabdelalim.com).
- Ofori, J.A, & Hsieh, Y.H.P. (2012). The Use of Blood and Derived Products as Food Additives. In *Food Additive*, Yehia El-Samragy, Ed., h. 299, via InTech.  
Diakses daripada <http://www.intechopen.com/books/food-additive/the-use-of-blood-and-derived-products-as-food-additives>.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. (2006). *Halal Haram*. Pulau Pinang : Persatuan Pengguna Pulau Pinang.  
"Resolusi Persidangan Fiqh Perubatan kali ke-8 mengenai penggunaan bahan-bahan haram dan najis dalam makanan dan ubatan oleh IOMS yang berlangsung di Kuwayt pada Mei 1995".  
Diakses daripada <http://www.islamset.com/arabic/abioethics/muharamat.html>
- Rossi, M. (2008). *The Future of Glycerol : New Uses of a Versatile Raw Material*. T.tp : Royal Society of Chemistry.  
"Status Kesucian Ikan Yang DiBeri Makanan Tidak Halal".  
Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>.
- "Suntikan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Oleh Orang Islam".  
Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/suntikan-pelalian-vaksin-meningococcal-meningitis-oleh-orang-islam>.
- Tawsiyyat al-Nadwah al-Fiqhiyyah al-Tibbiyyah al-Tasi'ah : Ru'yah Islamiyyah li Ba'd al-Mushkilat al-Tibbiyyah al-Mu'asarah, dalam *Majallah al-Ra'id*, bil. 191, 7, 1997.  
Diakses daripada [iid-alraid.de/Alraid/Word/a191ai000n03.doc](http://iid-alraid.de/Alraid/Word/a191ai000n03.doc).
- Tremblay, L. (2010). *Sources of Glycerine*.  
Diakses daripada <http://www.livestrong.com/article/327146-sources-of-glycerine/>

Weishardt Group. (t.t). *Properties of Gelatine*.

Diakses daripada [www.weisyardt.fr/doc/en-proprietes-gelatine-pdf](http://www.weisyardt.fr/doc/en-proprietes-gelatine-pdf)

Dzulkifly, M.H & Nurul Hayati, A.H. (2008). Penjenisan Alkohol dan Kesan Penggunaannya Dalam Makanan dan Minuman. *Jurnal Halal JAKIM*, 21-35.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*